

KESEDIAAN GURU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
MENGUNAKAN APLIKASI GOOGLE CLASSROOM DI SEKOLAH
KLUSTER DAERAH JOHOR BAHRU

PUNITHAVATHI GUNASEGARAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran)

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2021

DEDIKASI

Teristimewa buat seisi keluarga dan teman-teman yang sentiasa memberi dorongan dalam menjayakan projek sarjana ini. Bingkisan ilmu ini dititipkan khas untuk:

Suami tercinta, S.Thavanesan

Ibu bapaku yang dikasihi

Gunasegaran dan Poovathy

Didedikasikan juga kepada Penasihat Projek Sarjana saya

Prof. Madya Dr. Sanitah Binti Mohd. Yusof

Keluarga dan teman-teman seperjuangan.

Segala dorongan dan pengorbanan anda tidak mampu diungkapkan dengan kata-kata. Jasa kalian akan ku kenang hingga ke akhir hayat. Terima kasih untuk segalanya.

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana limpah rahmat dan kurnia, saya dapat menyempurnakan kajian ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat Ijazah Sarjana Pendidikan.

Pada ruang ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Sanitah Binti Mohd. Yusof, selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Penghargaan dan terima kasih ini juga saya tujukan kepada atas perkongsian ilmu dan bimbingan yang telah diberikan.

Penghargaan juga ditujukan khas kepada ibu dan ayah tercinta yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dan amat merealisasikan cita-cita saya. Kepada suami yang tercinta yang menjadi sumber inspirasi, ribuan terima kasih atas bantuan kalian.

Saya juga terhutang budi pada rakan sekelas atas sokongan mereka. Ketinggian hati budi kalian akan abadi dalam ingatan saya. Semoga apa yang diusahakan mendapat berkat.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru sekolah kluster dari daerah Johor Bahru terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform pengajaran. Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah reka bentuk kuantitatif. Seramai 210 orang guru dari sekolah kluster di daerah Johor Bahru yang ditentukan berdasarkan teknik persampelan rawak mudah merupakan sampel kajian ini. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) yang berbentuk statistik deskriptif iaitu peratusan, kekerapan dan min serta statistik inferensi iaitu ANOVA satu hala. Hasil analisis menunjukkan tahap kesediaan guru dari segi sikap, infastruktur sekolah dan amalan guru dalam menggunakan *Google Classroom* ini berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min kesediaan guru dari segi sikap dan amalan terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* dalam proses pengajaran berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman mengajar. Implikasi kajian ini telah mencadangkan kepada pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk memberi dorongan kepada para guru untuk menggunakan aplikasi *Google Classroom* sebagai platform dalam proses pengajaran dengan meluas dan berkesan.

ABSTRACT

This study aims to identify the level of readiness on the use of *Google Classroom* application as a teaching platform among Cluster school teachers in Johor Bahru district. A total of 210 respondents were involved as the study sample. The study design that has been used is quantitative. The total of 210 teachers from the Cluster schools in the Johor Bahru district were determined based on simple random sampling. The instrument used in this study is a questionnaire. This study was analyzed using Statistical Package for the Social Science (SPSS) software in the form of descriptive statistics that is percentage, frequency and mean as well one-way ANOVA were used for inferential statistics. The results of the analysis show that most of the Cluster school teachers in Johor Bahru have shown positive feedback on the level of teacher's readiness in terms of attitude, infrastructure in school and teacher practice in using *Google Classroom* application. Meanwhile, the findings of the study also prove that there is no significant difference for the readiness of teachers in terms of attitudes and practices in the process of using *Google Classroom* application across the teachers teaching experience and academic qualifications. Therefore, the implications of this study have suggested to the school, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) and Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) to encourage teachers to use the *Google Classroom* application widely and effectively as a platform in the teaching process.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	10
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Hipotesis Kajian	11
	1.7 Kerangka Teori Kajian	12
	1.8 Rasional Kajian	13
	1.9 Kepentingan Kajian	14
	1.10 Batasan Kajian	14
	1.11 Definisi Istilah	14
	1.11.1 Guru	15
	1.11.2 Kesediaan Guru Terhadap <i>Google Classroom</i>	15
	1.11.3 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	16
	1.11.4 <i>Google Classroom</i>	16
	1.11.5 Kemudahan Infrastruktur di Sekolah	17

1.11.6 Sikap	17
1.11.7 Pengalaman mengajar	18
1.12 Penutup	18
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	19
2.1 Pengenalan	19
2.2 Sejarah Perkembangan <i>Google Classroom</i>	19
2.3 <i>Google Classroom</i> Meningkatkan Pembelajaran Kendiri dalam Kalangan Murid	20
2.4 Kesediaan dan Pengetahuan Sedia Ada Pada Guru dalam Mendidik PdP Yang Berbentuk <i>Google Classroom</i>	21
2.5 Sekolah-sekolah Kluster	23
2.6 Teori dan Model Kajian	26
2.7 Kajian-kajian Lepas	27
2.8 Kajian dalam Negara	28
2.9 Penutup	28
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	31
3.1 Pengenalan	31
3.2 Reka Bentuk Kajian	31
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	32
3.3.1 Teknik Persampelan	33
3.4 Instrumen Kajian	33
3.4.1 Soal Selidik: Bahagian A (Latar Belakang Responden)	35
3.4.2 Soal Selidik: Bahagian B (Kesediaan Guru Dari Segi Sikap Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) dengan Menggunakan Aplikasi <i>Google Classroom</i>)	36
3.4.3 Soal Selidik: Bahagian C (Kemudahan Infrastruktur di Sekolah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> .)	36
3.4.4 Soal Selidik: Bahagian D (Amalan Penggunaan <i>Google Classroom</i> dalam Pengajaran dan Pembelajaran.)	37

3.5	Prosedur Kajian	37
3.6	Kesahan Kajian	38
3.7	Kebolehpercayaan Kajian	39
3.8	Kajian Rintis	39
3.9	Proses Pengumpulan Data	41
3.10	Analisis Data	42
	3.10.1 Statistik Deskriptif	43
	3.10.2 ANOVA	
3.11	Penutup	44
BAB 4	ANALISIS DATA	45
4.1	Pengenalan	45
4.2	Ujian Normaliti	46
4.3	Analisis Deskriptif	47
	4.3.1 Analisis Data Demografi Responden	47
	4.3.2 Analisis Data Bagi Kesediaan Guru Dari Segi Sikap	50
	4.3.3 Analisis Data Bagi Kemudahan Infrastruktur Di Sekolah	54
	4.3.4 Analisis Data Bagi Amalan Penggunaan <i>Google Classroom</i>	55
4.4	Analisis Inferensi	58
	4.4.1 Kesediaan Guru Dari Segi Sikap Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Berdasarkan Kelayakan Akademik	58
	4.4.1.1 H01: Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Antara Kesediaan Guru Dari Segi Sikap Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Berdasarkan Kelayakan Akademik.	59
	4.4.2 Kesediaan Guru Dari Segi Sikap Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Berdasarkan Pengalaman Mengajar	60

4.4.2.1	H02: Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Antara Tahap Kesediaan Guru Dari Segi Sikap Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Berdasarkan Pengalaman Mengajar.	60
4.4.3	Amalan Guru Menggunakan <i>Google Classroom</i> Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Kelayakan Akademik	61
4.4.3.1	H01: Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Antara Amalan Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Kelayakan Akademik.	61
4.4.4	Amalan Guru Menggunakan <i>Google Classroom</i> Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar	62
4.4.4.1	H02: Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Antara Amalan Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Pengalaman Mengajar	63
4.5	Penutup	64
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	65
5.1	Pengenalan	65
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	66
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	68
5.3.1	Latar Belakang Responden	69
5.3.2	Perbincangan Dapatan Kajian 1: Kesediaan Guru Dari Segi Sikap Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i>	69
5.3.3	Perbincangan Dapatan Persoalan 2: Tahap Kemudahan Infrastruktur Di Sekolah Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i>	71

5.3.4	Perbincangan Dapatan Kajian 3: Amalan Penggunaan <i>Google Classroom</i> Oleh Guru Sekolah Rendah Kluster Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran	72
5.3.5	Perbincangan Dapatan Kajian 4: Perbezaan Antara Tahap Kesiediaan Guru Dari Segi Sikap Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Berdasarkan Kelayakan Akademik Dan Pengalaman Mengajar	73
5.3.6	Perbincangan Dapatan Persoalan 5: Perbezaan Yang Signifikan Antara Amalan Guru Menggunakan <i>Google Classroom</i> Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Kelayakan Akademik Dan Pengalaman Mengajar	74
5.4	Implikasi Kajian	76
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	78
5.6	Penutup	79
	RUJUKAN	81

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970)	33
Jadual 3.2	Skala Likert Dalam Kajian	34
Jadual 3.3	Taburan item-item soal selidik	35
Jadual 3.4	Taburan Item Soal Selidik Bahagian A	36
Jadual 3.5	Pelaksanaan Kajian	38
Jadual 3.6	Nilai Alpha Cronbach Bagi Instrumen Soal Selidik	40
Jadual 3.7	Pekali <i>Alpha Cronbach</i>	41
Jadual 3.8	Analisis Data bagi Setiap Persoalan Kajian	42
Jadual 3.9	Tafsiran Skor Min	43
Jadual 4.1	Agihan Set Borang Soal Selidik	46
Jadual 4.2	Nilai Min, <i>Skewness</i> Dan Kurtosis Bagi Kesiediaan Guru, Infrastruktur Sekolah Dan Amalan Pengajaran Guru	46
Jadual 4.3	Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Jantina.	48
Jadual 4.4	Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Sela Umur.	48
Jadual 4.5	Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	48
Jadual 4.6	Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	49
Jadual 4.7	Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	49
Jadual 4.8	Maklum Balas Responden Mengenai Kesiediaan Guru Dari Segi Sikap	51
Jadual 4.9	Dapatan Kajian Bagi Kemudahan Infrastruktur Di Sekolah	54
Jadual 4.10	Dapatan Kajian Bagi Amalan Penggunaan <i>Google Classroom</i>	56
Jadual 4.11	Ujian ANOVA Min Skor Berdasarkan Kelayakan Akademik	59

Jadual 4.12	Ujian ANOVA kesediaan guru dari segi sikap dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan google classroom berdasarkan kelayakan akademik	59
Jadual 4.13	Kesediaan Guru Dari Segi Sikap Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Berdasarkan Pengalaman Mengajar	60
Jadual 4.14	Ujian ANOVA Kesediaan Guru Dari Segi Sikap Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Berdasarkan Pengalaman Mengajar	60
Jadual 4.15	Amalan Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Kelayakan Akademik.	62
Jadual 4.16	Ujian ANOVA Amalan Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Kelayakan Akademik.	62
Jadual 4.17	Amalan Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Berdasarkan Pengalaman Mengajar	63
Jadual 4.18	Ujian ANOVA Amalan Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Menggunakan <i>Google Classroom</i> Berdasarkan Pengalaman Mengajar	63

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kerangka teori kajian yang diubahsuai dari model kajian yang diolah dari Technology Acceptance Model (TAM) oleh Burton & Hubona (2005).	12
Rajah 2.1	<i>Technology Acceptance Model</i> , TAM (Davis, 1989)	27

SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
ICT	-	Information and Communications Technology
FROG VLE	-	FrogAsia's Virtual Learning Environment
MSC	-	Multimedia Super Corridor
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
SPSS	-	Statistical Package for the Social Science

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Soal Selidik	89
Lampiran B	<i>Google Form</i>	95
Lampiran C	Dapatan Kajian Rintis bagi Instrumen B, C dan D	96

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah mengalami transformasi yang besar, dari berpusatkan guru kepada berpusatkan murid. Terdahulu, guru memainkan peranan penting sebagai penyedia ilmu, tetapi kini peranan guru telah berkembang ke arah pengajaran menggunakan talian. Menurut Anna dan Siew Wei (2019), teknologi maklumat dan komunikasi berkembang menjadi luas dan hal ini dapat dibuktikan dengan penubuhan *Multimedia Super Corridor* (MSC) dalam fasa ketiga pada tahun 2011 hingga 2020. Penubuhan MSC ini adalah kerajaan membawa Malaysia ke puncak kejayaan dengan memiliki teknologi yang paling maju khususnya dalam bidang pendidikan setanding dengan negara-negara terkemuka dalam bidang ini ICT (Kheong, 2019).

KPM telah memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran berbantuan ICT dengan memperkenalkan Program pengenalan komputer KPM-MIMOS, yang dirancang untuk menjalin hubungan dua hala dalam rancangan program pendidikan, peralatan penyelidikan dan pengembangan, perisian dan kursus. Penekanan diberikan untuk mengintegrasikan teknologi di dalam kelas melalui strategi pengajaran yang inovatif dengan memberi tumpuan kepada pencapaian matlamat pengajaran. (Hwang, Lai, & Wang, 2015). Penggunaan teknologi dalam pengajaran merangsang penglibatan pelajar (Northey, Bucic, Chylinski, & Govind, 2015) bagi mencapai objektif pembelajaran yang dikehendaki (Bolkan, & Griffin 2011). Penggunaan teknologi dalam pendidikan melibatkan pedagogi akan memberikan kita pandangan yang berharga dalam hubungan mereka dengan pengajaran dan pembelajaran.

Peluang menggunakan aplikasi ICT yang terbuka, menunjukkan ciri-ciri pendekatan tradisional untuk pembelajaran yang dijangka menyumbang kepada kekuatan persekitaran pembelajaran, lebih besar dengan guru yang mencipta persekitaran pembelajaran yang kuat untuk murid mereka. Dalam proses mengintegrasikan teknologi di dalam kelas; teknologi pendidikan telah menemui jalan tengah melalui pembelajaran *Blended* (Hinkelman, 2018). Istilah pembelajaran teradun (*blended learning*) digunakan secara bergantian (Zhao & Breslow, 2013). Pembelajaran teradun ini membolehkan peralihan lancar dari peralihan dalam metodologi pengajaran, untuk guru dan pelajar.

Penerapan teknologi tidak berlaku sekiranya tidak interaksi antara pendidik dan pelajar. Aplikasi teknologi *asynchronous* yang lebih dikenali sebagai media offline membantu guru dalam melaksanakan PdP secara tidak bersemuka. Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS), papan buletin elektronik, e-mel, platform media sosial dan video pembelajaran adalah contoh jenis media pembelajaran secara *offline* dan *Google Classroom*, *YouTube*, *GMail*, *Facebook*, *Twitter*, *Microsoft Teams*, *Schoology*, *Padlet* dan *Edmodo* adalah beberapa contoh aplikasi yang boleh digunakan bagi pembelajaran secara offline.

Google Classroom adalah salah satu alat sedemikian yang bebas daripada kos dan telah mendapat populariti dalam jangka masa yang singkat. *Google* adalah alat *Web 4.0* menyediakan banyak kemudahan dan aplikasi popular yang menarik. Alat web ini, mempunyai potensi untuk membelajari serta mengajar kerana kerana ia berfungsi dalam menawarkan pedagogi, sosial dan teknologi. *Google Classroom* merupakan alat terkini yang diperkenalkan di *Google Apps for Education* sejak 2014. Kelas seperti ini memudahkan guru untuk mengendalikan proses (PdP) dengan efektif dan memberi maklum balas yang berkesan dan dapat berkomunikasi dengan pelajar dengan mudah (Asnawi, 2018).

Penggunaan *Google Classroom* ini mengambil kira pencapaian beberapa fungsi tertentu seperti memudahkan komunikasi dua hala iaitu pelajar dengan guru, memudahkan penugasan tugas kepada murid selain dapat memberi peluang kepada murid untuk menilai tugas yang diberi dalam talian hanya dalam tempoh jangka

pendek (Amran & Rosli 2017). Dalam kalangan pengajar juga alat ini membantu memberikan maklumat mengenai tahap kemajuan setiap pelajar, dan mereka dapat mengetahui perkembangan tugas selain dapat membantu melaksanakan tugas mereka (Emran dan Salloum, 2017). Ciri-ciri unik *Google Classroom* ini berkesan untuk murid dan juga guru dalam mencapai objektif pengajaran. Penggunaan *Google Classroom* bebas untuk digunakan untuk guru dan pelajar yang menjadikannya sesuai untuk negara-negara membangun, di mana belanjawan terhad diperlukan untuk menggunakan alat ini. Ia boleh bertindak sebagai sistem pengurusan pembelajaran di sekolah, kolej, dan institusi pengajian tinggi. Guru dapat menggunakan bilik darjah secara berkesan dengan menggunakan bilik darjah *Google Classroom*.

Google Classroom mempunyai pelbagai fungsi serta keupayaan untuk menyediakan kelas. *Google Classroom* mampu menjimatkan masa dan kertas, memberi tugas, dan berkomunikasi secara berkala. Guru boleh menghantar pengumuman, membuat arahan tugas mengadakan perbincangan bersama murid atau pelajar dengan kadar segera, kerana murid dapat berkongsi idea-idea atau sumber bersama dengan mereka dan berinteraksi dalam *Google Classroom* atau perisian melalui emel. E-pembelajaran menjadi alat yang dapat membantu menyampaikan bahan pembelajaran lebih mudah supaya pelajar lebih bermotivasi untuk belajar dengan penerokaan sendiri. Manakala, media pembelajaran membantu media komunikasi dengan merangsang hubungan komunikasi agar lebih lancar dan mendapat hasil pembelajaran yang maksimum (Hapini Awang et al., 2019; Rana & Mostafa, 2018; Maslawati Mohammad, Neiman Ghazali, & Harwati Hashim, 2018; Ahmad Bujang, Asiah Naho & Noriah Awang, 2019).

1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan adalah satu bidang yang kerap mengalami transformasi dan ia merupakan salah satu saluran bagi pembangunan negara. Salah satu inisiatif bagi menuju sebuah negara maju menjelang tahun Transformasi Nasional 2050 adalah perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran untuk bersaing dengan negara maju

yang lain dalam kalangan rakyat Malaysia. Sistem pendidikan semasa berperanan untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan pelbagai usaha untuk mengubah dan memperbaiki keadaan dalam sistem pendidikan Malaysia. Para pendidik perlu bersedia dan menerima perubahan-perubahan tersebut dan perlu bersaing selaras dengan cara penyampaian ilmu. Mutakhir ini, KPM telah memberi penekanan terhadap *Google Classroom* kerana ia adalah salah satu elemen Pembangunan modal insan berkualiti tinggi pada abad ke-21 yang sangat mustahak. Pembangunan modal insan ini penting dalam mendepani cabaran pada masa akan datang bagi melahirkan keperibadian yang berkualiti dalam usaha untuk menjadikan pendidikan lebih bermakna yang dapat bertanding dengan negara-negara maju (Chuang, 2014).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah pun menyatakan bahawa platform *Frog VLE* akan digantikan dengan *Google Classroom* sebagai medium digital dalam proses pengajaran. Dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia terbitan RTM pada 28 September 2020, menyatakan bahawa *Google Classroom* memenuhi standard antarabangsa ISTE serta mudah digunakan kerana ianya mesra pengguna, (DR Wagnesh Shukry Hasan, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pelantar Sektor Pelantar Pembelajaran). KPM juga turut menitikberatkan yang mana pertukaran platform digital berlakunya untuk mengurus penawaran yang terbaik kepada para pendidik, murid-murid dan kakitangan sekolah. Pelaksanaan *Google Classroom* dalam PdP di sekolah masih tidak mendapat sambutan yang baik disebabkan oleh guru-guru yang kurang mempunyai kemahiran ICT (Mohd Amin Embi, 2013; Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Wan Norma Wan Hamat & Nor Khayati Basir, 2019; Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Sanimah Hussin, 2019), walaupun program ini telah dilancarkan semenjak tahun 2019.

Sikap tidak mahu meningkatkan kemahiran yang sedia ada pada diri untuk melakukan pembaharuan merupakan salah satu sikap yang biasa berlaku di kalangan guru. Guru-guru pada masa kini, agak sukar untuk memperbaiki dan meningkatkan gaya pengajaran mereka unik dan terkini, seperti menggunakan *Google Classroom* dalam pengajaran. Ada juga segelintir guru-guru yang enggan mengubah gaya

pengajaran tradisional mereka ke moden. Menurut kajian Azmi dan Nurzatulshima (2017) menyatakan bahawa guru-guru biasanya bimbang dan enggan melakukan pembaharuan ini kerana mereka fleksible dengan 'chalk and talk' yang selama ini digunakan dalam (PdP).

Menurut laporan kajian kajian Muna Ishak dan Farrah Wahida Abdullah (2017), yang menyatakan bahawa guru-guru sering mendepani dengan pelbagai cabaran bagi mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam PdP. Contohnya, dalam kajian Muna Ishak dan Farrah Wahida Abdullah (2017) juga menyatakan bahawa guru di semua sekolah di Malaysia mendapati bahawa hasil infrastruktur ICT dan motivasi pengurusan mempunyai hubungan positif dengan sikap menggunakan ICT. Kedua-dua faktor tersebut merupakan salah satu cabaran yang harus dilaksanakan dalam PdP *Google Classroom*. Pentadbir sekolah perlu memainkan peranan memastikan infrastruktur internet dan kemudahan komputer di sekolah masing-masing memenuhi kehendak guru-guru.

Menurut kajian Habibah dan Vasugiammai (2011) menjelaskan bahawa pengaplikasian unsur teknologi dalam pembelajaran di sesebuah institusi pendidikan bergantung pada kemudahan perkakasan dan jalur lebar yang disediakan oleh agensi. Pernyataan tersebut disokong melalui kajian (Mekonnen, 2014) pelajar dari bidang fizik yang mengemukakan pelajar-pelajar dari Universiti tidak dapat melanjutkan pembelajaran mereka di dalam kampus kerana mereka sering mengalami masalah dalam dapatkan sambungan internet. Perpustakaan dan makmal komputer menjadi saluran bagi pelajar-pelajar tersebut untuk mendapatkan bahan pembelajaran yang dimuat naik oleh pengajar kerana sambungan internet di kedua-dua tempat tersebut lagi kuat berbanding dengan di dalam kolej kediamnya (Mekonnen, 2014). Ini mengakibatkan proses pembelajaran sendiri yang berbentuk ICT tidak dapat mencapai pembelajaran yang bermakna kepada pelajar-pelajar tersebut.

Penggunaan teknologi secara sepenuhnya dalam kalangan pelajar dan juga pendidik dapat melatih diri mereka agar lebih berdikari dan berdaya saing (Wang, 2015). Oleh itu, pentadbir institusi pendidikan perlu memandang serius tentang infrastruktur rangkaian internet dan kemudahan komputer institusi pendidikan, dan

menekankan dan mendedahkan penggunaan ICT dalam pendidikan supaya pelan-pelan yang telah dilancarkan oleh pihak kementerian dapat dilaksanakan dengan jayanya. Selain itu, menurut laporan Sukri, Anuar dan Shiung (2017) mengetahui sebilangan besar pelajar tidak menunjukkan keminatan mereka dalam penggunaan *Google Classroom*. Ini disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama adalah sikap malas, tidak mahu berusaha memperbaiki diri. Ia merupakan salah satu cabaran dalam melaksanakan aplikasi ini dalam kalangan pelajar. Peranan pelajar adalah sangat penting dalam penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran mereka. Menurut laporan kajian Sharifah & Kamarul Azman (2011) menyatakan bahawa sikap dan kemahiran pelajar merupakan salah satu cabaran dalam memastikan pelajar menggunakan ICT secara berkesan. Hal ini demikian, ada juga sebilangan pelajar hanya menggunakannya apabila guru meminta mereka menggunakan aplikasi Web 2.0 sedangkan aplikasi 4.0 yang terkini telah digunakan dalam sektor pendidikan. Dengan itu, pelajar-pelajar ini kurang mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi ketika belajar di persekitaran pembelajaran berasaskan teknologi (Zuraini, 2016).

Selain itu, kajian lepas oleh Izenstark (2015) empat masalah utama ditemui. Ini termasuk akses internet yang terhad, masa yang tidak mencukupi, dan silibus dan beban kerja guru yang berat. Dia juga menyatakan bahawa masalah pelaksanaan adalah kekangan aplikasi *Google Classroom* terutama di sekolah luar bandar. Masalah-masalah ini merangkumi aspek teknikal, penyebaran maklumat mengenai *Google Classroom*, latihan dan pemantauan guru bukanlah perkara yang sempurna dalam bidang ini. Dari segi peralatan, didapati bahawa kebanyakan sekolah luar bandar mempunyai masalah yang berkaitan dengan akses Internet. Ini menimbulkan dilema antara pentadbir sekolah dan pelaksana. Dalam penyelidikannya mengenai sikap pelaksanaan *Google Classroom*, dia mendapati bahawa guru menyambut baik pelaksanaan *Google Classroom*, tetapi ketika guru ingin menggunakan *Google Classroom*, itu menjadi pandangan negatif. Halangan seperti kelajuan akses internet yang rendah menghalang usaha guru untuk menggunakan *Google Classroom*. Guru mula menganggap itu membuang masa, dan guru itu mempunyai tugas lain yang lebih penting untuk dilakukan.

Tempat penimba ilmu yang tidak mencukupi kewangan untuk menangani pelbagai kos kegunaan teknologi pendidikan akan kembali ke model pembelajaran tradisional. Kelemahan kepemimpinan sekolah adalah keengganan untuk menggunakan teknologi pendidikan, yang juga boleh menyebabkan sekolah ketinggalan arus perdana perubahan. Institusi pendidikan turut terkandas untuk menambahbaik kegunaan teknologi pendidikan Sekolah juga gagal memainkan peranan aktif dalam menjadikan pelajar lebih moden dalam penggunaan teknologi pendidikan, terutama di kampung. Perbezaan ini akan membawa cubaan besar kepada para pendidik. Pendidik perlu menyediakan untuk tingkatan ilmu serta pengetahuan. Masalah ini telah lama wujud, bukan kerana kerajaan tidak menyediakan peralatan ICT, tetapi jika peralatan tersebut gagal atau rosak, proses penyelenggaraan akan memakan masa yang lama atau hanya ditinggalkan. Hasilnya, semua rancangan pengajaran dan pembelajaran untuk hari itu tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Oleh itu, guru mesti menggunakan alat bantu mengajar yang lain, kadang-kadang hanya "chalk and talk" (Wang, 2018).

Antara kekurangan dan masalah menggunakan *Google Classroom* untuk pelajar dalam mengikuti proses PdP, yang pertama adalah kesan negatif kepada pelajar dari keluarga miskin, kawasan luar bandar atau keluarga terpencil komputer (Sukmawati & Nensia 2019). Oleh itu, sukar bagi pelajar ini untuk menggunakan bahan berasaskan ICT untuk mempelajari sesuatu. Di samping itu, laporan penyelidikan oleh Madhavi dan Nalla (2018) mengukuhkan lagi penemuan ini dengan mengatakan pelajar-pelajar sekolah rendah bimbang bahawa mereka akan ketinggalan dan tidak dapat belajar berbanding dengan rakan-rakan yang lain, dan ibu bapa dan ahli keluarga mereka akan sering terkena komputer dan aksesori. Oleh itu, tidak semua pelajar menggunakan WiFi atau tablet di rumah, terutama dari keluarga berpendapatan rendah. Oleh itu, guru tidak dapat mengawasi semua pelajar (Bernama *Online*, 28 Mac 2020). Guru juga menggunakan WhatsApp dan juga menggunakan beberapa kaedah untuk berkomunikasi dengan pelajar dan menghantar mesej untuk disemak, tetapi sebilangan pelajar tidak mempunyai telefon pintar, dan ibu bapa mereka sibuk mengambil bahagian dalam kerja kumpulan WhatsApp (Utusan *Online*, 24 April 2020).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi garis panduan kepada pentadbir sekolah, guru, ibu bapa, dan pelajar untuk memperincikan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan PdP disampaikan dengan berkesan pada masa pelajar benar-benar menerima PdP. Guru boleh menggunakan pelbagai platform dalam talian dan media sosial yang sesuai untuk merancang dan memberikan arahan, tugas dan tugasan. Guru juga boleh menghendaki pelajar menggunakan buku teks, buku ulasan, dan aktiviti untuk menjalankan aktiviti pembelajaran tanpa meninggalkan rumah (Berita Nasional, 27 Mac 2020).

1.3 Pernyataan Masalah

Hasil kajian dalam latar belakang masalah yang memfokuskan isu yang berkait dengan masalah yang dialami oleh guru untuk mengaplikasi *Google Classroom* dalam PdP, didapati bahawa penerimaan teknologi oleh para guru sangat penting untuk menentukan kesediaan guru menggunakan teknologi yang dibekalkan di sekolah. Mengikut kajian *North Central Regional Laborator* (2002) menunjukkan aplikasi teknologi merupakan kunci kemajuan pelajar dari segi perolehan pengetahuan dan kemahiran. Komputer tidak dapat menggantikan peranan guru dalam kurikulum tetapi adalah penting untuk guru bersedia dan berpengetahuan komputer untuk menggunakan teknologi maklumat di sekolah.

Google Classroom digunakan sebagai pembelajaran *Blended Learning* bagi meningkatkan produktiviti kelas. Kekurangan sumber penyelidikan berkaitan tentang *Google Classroom*, khususnya dalam konteks negara-negara membangun telah mendorong untuk menyiasat lebih lanjut tentang kesediaan dan keberkesanan *Google Classroom* terhadap guru-guru sekolah rendah. Menurut Emran dan Shaalan (2017), menggunakan teknologi dengan cara yang sesuai adalah salah satu cabaran terbesar bagi guru untuk mengurus dalam persekitaran pembelajaran *Blended Learning*. Oleh itu, kajian ini difokuskan terhadap kesediaan dan keupayaan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bentuk *Google Classroom*.

Kemampuan guru besar dan keupayaan guru-guru akan memberi kesan yang baik dalam meningkatkan penggunaan teknologi maklumat di sekolah. Justeru itu, semua guru mestilah berusaha untuk menguasai kemahiran teknologi maklumat supaya dapat menyelitkan unsur ICT dalam (PdP) mereka. Penguasaan dan ketrampilan guru dalam penggunaan teknologi maklumat dalam (PdP) salah satu elemen yang terutama dalam proses pembelajaran pada ke 21. Di negara kita, kaedah pengajaran dan pembelajaran menunjukkan tahap yang masih condong ke arah sistem pengajaran konvensional yang memfokuskan penggunaan kapur, buku, papan hitam, model sahaja. Sejurus dengan itu, warga pendidik perlu menggunakan kaedah pengajaran yang Berbantuan Komputer (BPK) yang mana dapat memberi gambaran yang jelas kepada pelajar untuk memahami isi kandungan dengan bantuan teks, grafik, audio dan animasi.

Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk memartabatkan penggunaan sistem maklumat dan internet di semua sekolah dengan memperkenalkan Sekolah Bestari pada tahun 1997. Sekolah Bestari menggunakan aplikasi *Google Classroom* yang menyenangkan urusan semua guru, murid dan juga ibu bapa mengakses aktiviti pengajaran dan pembelajaran, latihan dan aktiviti pada bila-bila masa. *Google classroom* berperanan sebagai aplikasi yang lebih maju dengan mempunyai unsur-unsur pembelajaran abad Ke-21. Ia membantu guru dan murid dalam mengendalikan ruang kelas secara maya, menghantar tugas, melakukan penilaian berdasarkan tugas-tugas yang dikumpulkan dalam sistem secara teratur dan bersistem.

Menurut Fauzi , Razaq Ahmad & Ahmad Ali (2017) strategi pembelajaran yang bersesuaian perlu digunakan kerana konsep pembelajaran konvensional tidak sesuai untuk mata pelajaran yang berunsur abstrak dan sukar membantu pemahaman pelajar. Justeru, gabungan pengajaran berasaskan teknologi maklumat seperti *Google Classroom* dapat meningkatkan pedagogi yang menarik. Selain itu, teori konstruktivisme yang dikemukakan oleh Jerome Brunner (1966) merupakan teori pembelajaran yang menyokong pembentukan pemikiran murid pada tahap yang tinggi. Menurut Dick (1991), beliau menekankan konstruktivisme membekalkan pendekatan teori dalam penggunaan sistem berasaskan komputer.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan perbincangan di atas, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui kesediaan guru dari segi sikap dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan *Google Classroom*.
2. Mengetahui tahap kemudahan infrastruktur di sekolah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan *Google Classroom*.
3. Mengetahui tahap amalan penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru sekolah rendah kluster dalam pengajaran dan pembelajaran.
